



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603- 5544 7000
No. Faks : 603 -5510 2658
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : http://ptg.selangor.gov.my

(22)d/m.PTGS/CR01/00/2000 Jld.4

5 Jamadilawal, 1431H
20 April, 2010

SEPERTI SENARAI EDARAN

YAB. Dato' Seri/ YB. Dato'/ YB. Datin Paduka/ YBhg. Dato'/ Datin Paduka/
Tuan/ Puan,

PEMBATALAN PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL. 4/2007 BERKAITAN DENGAN PENGENAAN CARUMAN INFRASTRUKTUR SOSIAL BAGI PEMBANGUNAN MELEBIHI 1 HINGGA 10 EKAR DALAM NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. **Untuk makluman** YAB. Dato' Seri/ YB. Dato'/ YB. Datin Paduka/ YBhg. Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan, Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor **dalam mesyuaratnya** Bil. 1/2010 yang bersidang pada 2 Februari 2010 telah mempertimbangkan dan bersetuju mengenai perkara-perkara berikut:-

- i. Cadangan untuk **membatalkan pengenaan bayaran caruman infrastruktur sosial bagi pembangunan melebihi satu (1) hingga kurang lima (5) ekar** dalam Negeri Selangor;
- ii. Konsep **perkongsian penyediaan kawasan lapang bagi lot melebihi satu (1) ekar hingga kurang lima (5) ekar** hendaklah mempunyai keluasan minima 0.5 ekar – 1.5 ekar (saiz lot permainan);
- iii. **Penyediaan kawasan lapang** hendaklah mengambilkira **amalan perancangan terbaik** yang menekan kriteria-kriteria berikut:-
 - Disediakan di kawasan berpusat, di kawasan yang rata, berfungsi dan mengikut hirarki kawasan lapang;
 - Pencawang TNB, loji rawatan kumbahan atau sebarang struktur binaan tidak dibenarkan di atas kawasan lapang; dan
 - Menyediakan lorong selebar 20' kaki bagi memisahkan kawasan lapang dengan lain-lain binaan seperti dewan, pencawang TNB dan sebagainya.

3. Berdasarkan keputusan di atas, Pengarah Tanah dan Galian Selangor dengan ini membatalkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 4/2007 mengenai pengenaan caruman infrastruktur sosial bagi pembangunan melebihi satu (1) ekar dan kurang lima (5) ekar dalam Negeri Selangor berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun syarat-syarat penyediaan kawasan lapang dan lain-lain keperluan yang berkaitan dengannya hendaklah berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dan Manual Garispanduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Selangor Darul Ehsan